

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ucapan: 17/04/2018

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Perdana Menteri 2017

Bismillahirrahmanirrahim

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku
1Malaysia.*

Yang Dihormati Saudara dan Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Tan Sri Zainal Rahim bin Seman

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Yang Berbahagia Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali,

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan

Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Datuk-Datuk, Datin-Datin,

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi di bawah JPM;

*Yang dihormati dan diraikan penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JPM bagi
tahun 2017;*

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

- 1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama bertemu dan berhimpun di Majlis Perasmian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2017.*

2. Saya difahamkan seramai **1,812 orang warga cemerlang** Jabatan Perdana Menteri daripada 79 Jabatan/Agensi/Bahagian yang telah dipilih sebagai penerima Anugerah Khidmat Cemerlang Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun 2017.
3. Manakala, seramai **10 orang akan menerima Sijil Penghargaan JPM** dan pada tahun ini juga, **2 orang penerima terbaik** dalam kalangan penerima Anugerah APC 2017 dipilih untuk menerima **Anugerah Khas JPM 2017**. Syabas diucapkan.
4. Saya berharap pengiktirafan dan penghargaan seumpama ini akan menjadi pendorong dan menyuntik semangat kepada saudara dan saudari untuk terus produktif dalam menyampaikan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan seterusnya **menjadi role model dan mentor terbaik** kepada warga yang lain.

5 PRINSIP PENTADBIRAN NEGARA TERAS KEBERHASILAN YANG MENGAGUMKAN

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

5. Pentadbiran Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri sentiasa menjalankan tanggungjawab sebagai penunjuk arah dalam memacu negara kepada kejayaan bertunjangan kepada lima (5) prinsip iaitu; **ekonomi, global, berwawasan, rakyat di hati dan; penyampaian kepada rakyat**.
6. Dalam mentransformasikan Perkhidmatan Awam, YAB Dato' Sri Mohd Najib Razak sentiasa mengingatkan penjawat awam agar lebih bersifat inklusif, cekap dan berbudaya murni lagi inovatif dan beliau menyarankantiga (3) prinsip nilai yang seharusnya menjadi teras dalam melaksanakan kerja dan tugas kita. Prinsip tersebut ialah
 - i. **Rangkaian Wala'**, (kasih, kepatuhan dan kesetiaan), **Wasatiyyah** (kesederhanaan seimbang dengan cemerlang); dan **Tabayyun** (selidik dengan teliti kesahihan berita)
 - ii. **Prinsip- Nilai World Class Public Service**
 - iii. **Kawan Setia lagi Utama** (penjawat awam pendokong pentadbiran Kerajaan)

7. *Impak tahun 2017 sebagai Tahun Penyampaian atau The Year Of Delivery, telah dapat dilihat hasilnya daripada pelbagai program yang dilaksanakan dengan jayanya. Kita sebagai rakyat Malaysia seharusnya berbangga kerana negara ini telah mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang baik di dalam mahupun di persada antarabangsa.*
8. *Sehubungan dengan itu, penetapan tahun 2018 sebagai **Tahun Kejayaan dan Keberhasilan Yang Mengagumkan** atau **The Year Of Success and Impressive Result** perlu kita sahut dengan penuh semangat dan keyakinan.*

9. *Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Jabatan Perdana Menteri kerana meneruskan tradisi kecemerlangan sepanjang tahun 2017. Antara kejayaannya adalah melalui pelaksanaan program-program yang memberi impak tinggi kepada rakyat serta merupakan **WOW Factors** antaranya :*
 - i. *Inisiatif perumahan seperti Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA).*
 - ii. *Skim Latihan 1Malaysia (SL1M)*
 - iii. *Keretapi Laju Kuala Lumpur – Singapura (Kuala Lumpur – Singapore High Speed Rail @ KL – SG HSR)*
 - iv. *Projek Transit Aliran Massa (Mass Rapid Transit, MRT)*
 - v. *Landasan Keretapi Pantai Timur (East Coast Railway Link, ECRL)*

10. *Oleh itu, warga Jabatan Perdana Menteri perlu terus komited bagi memastikan program dan inisiatif yang dilaksanakan ini dapat diketahui, diterima dan dimanfaatkan oleh rakyat.*

KERAJAAN PRIHATIN MENJAGA KEBAJIKAN PENJAWAT AWAM

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

11. *Dalam konteks perkhidmatan awam keseluruhannya pula, pada setiap tahun, pihak Kerajaan sentiasa menunjukkan keprihatinan dalam menjaga kebajikan dan kepentingan kakitangan kerajaan. Pelbagai inisiatif dan insentif telah diumumkan melalui Bajet 2018 di mana ia jelas membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan pejawat awam.*
12. *Buktinya, pada **Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-16 (MAPPA XVI)**, YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan sembilan (9) insentif daripada Kerajaan kepada penjawat awam dan pesara keseluruhannya.*
 - i. *Pemberian kenaikan gaji Bersamaan satu Kenaikan Gaji Tahunan berkuatkuasa mulai 1 Julai 2018.*
 - ii. *Pemendekan tempoh kenaikan pangkat time-based kali kedua kepada kumpulan Pelaksana dari 13 tahun kepada 10 tahun mulai 1 Januari 2018 yang akan melibatkan 13,006 orang pegawai.*
 - iii. *Mewujudkan Lapisan Gred DG56 kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan mulai 1 Januari 2019.*
 - iv. *Memanjangkan Kemudahan perubatan kepada ibu bapa Pegawai lantikan Kontrak (Contract of service) warganegara. Ini akan memberi faedah kepada seramai 42,867 pegawai.*
 - v. *Kemudahan cuti tanpa rekod kepada penjawat awam bukan Islam bagi menunaikan aktiviti keagamaan masing-masing, maksimum 7 hari sepanjang tempoh perkhidmatannya; serta;*

vi. Sumbangan dana sebanyak RM3 juta kepada CUEPACS.

Dengan ini, lebih 800 ribu pesara Kerajaan juga turut menikmati manfaatnya iaitu;

- i. Kenaikan kadar penyelarasan pencen 1% tambahan secara one-off ;
- ii. Pemberian gerah khas RM1 juta kepada persatuan-persatuan pesara bagi tahun 2018, dan;
- iii. Kouta haji khas kepada pesara.

13. Insentif-insentif dan kemudahan yang diberikan ini sewajarnya menjadi pendorong kepada 1.6 juta kakitangan Kerajaan termasuk warga Jabatan Perdana Menteri untuk terus meningkatkan penyampaian perkhidmatan dengan lebih komited dan cemerlang.

14. Selain dari itu, saya juga ingin berkongsi kegembiraan dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan melalui pengumuman oleh YAB Timbalan Perdana Menteri untuk **menaikkan elaun anggota dan pegawai Angkatan Pertahanan Awam (APM)** masing-masing daripada RM6 kepada RM8 sejam dan RM7.80 kepada RM9 sejam. Oleh itu saya menyeru kepada kira-kira 2.1 juta anggota APM untuk terus bersemangat menghulurkan tenaga dan khidmat bantuan awal.

15. Warga Jabatan Perdana Menteri perlu komited dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mendokong sekaligus menyokong Kerajaan membangunkan Negara. Kesemua kemudahan dan imbuhan yang dinikmati oleh kita sebagai Penjawat Awam adalah kerana **hubungan kerjasama yang kukuh di antara Kerajaan dan Perkhidmatan Awam yang cekap lagi efisien.**

16. Di samping itu, Kerajaan juga sentiasa berusaha bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia termasuk ruang dan peluang untuk mendiami kediaman sendiri yang selesa

dan mampu dimiliki dengan melaksanakan pelbagai inisiatif perumahan seperti PR1MA, RUMAW1P, PPA1M, Rumah Mesra Rakyat, PPR, dan Perumahan

PENGHARGAAN DAN KESETIAAN KEPADA KERAJAAN YANG MEMERINTAH

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

- 17. Pencapaian negara pada hari ini, tidak akan terhasil tanpa dasar dan inisiatif yang diperkenalkan oleh kepimpinan negara. Sebagai penjawat awam adalah menjadi amanah dan tanggungjawab kita dalam memastikan segala dasar-dasar dan inisiatif yang diperkenalkan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya sejajar dengan konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam. Malah, kita juga tidak harus lupa kepada ikrar dan janji kita memartabatkan penyampaian dan imej Perkhidmatan Awam.*
- 18. Sesungguhnya kita tidak dapat lari daripada hakikat bahawa kita akan berhadapan pilihanraya yang akan diadakan pada 9 Mei 2018 (Rabu). Dalam hal ini, saya sekadar ingin mengingatkan diri sendiri dan juga saudara dan saudari dalam melaksanakan amanah dan hak kita dengan penuh tanggungjawab dan bukan secara emosi.*
- 19. Kita perlu membuat pilihan yang tepat dalam memastikan kelangsungan keamanan, keharmonian dan kestabilan ekonomi negara akan terus dipertahankan supaya nikmat ini akan dirasakan oleh generasi yang seterusnya. InsyaAllah.*
- 20. Sekiranya terdapat perkara yang dirasakan perlu ditambahbaik, Kerajaan di bawah pimpinan YAB Dato' Sri Mohd Najib Razak sentiasa menerima pelbagai idea mahupun maklum balas dengan wujudnya pelbagai platform di bawah strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)*

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

21. *Saya berharap saudara dan saudari akan terus mengekalkan momentum kecemerlangan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan negara serta menyokong dan menjayakan agenda Negara ke arah Transformasi Nasional 2050.*

22. *Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Jabatan Perdana Menteri Tahun 2017. Tidak lupa juga kepada barisan urus setia majlis yang telah bertungkus lumus dalam memastikan penganjuran majlis ini berjalan dengan lancar.*

Dengan lafaz Bismillahirohmannirahim, saya merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JPM bagi Tahun 2017.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my//newsroom/content/speech/19241/Mailis-Anugerah-Perkhidmatan-Cemerlang-Jabatan-Perdana-Menteri-2017>